

## PASTI sedia hadapi norma baharu

Oleh: Nur Syakirah Mohamad Zain 1180345

KAMUNTING: Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) As-Sajidin Perak bersedia menghadapi norma baharu dengan menjalankan kelas secara atas talian susulan penularan wabak COVID-19 yang semakin berleluasa.

“PASTI diseluruh Negeri Perak menjalankan kelas secara atas talian iaitu Home Based-Learning (HBL) bagi menyelesaikan sukatan pembelajaran murid-murid,” kata Mohd Azhari Yahaya selaku Pengarah PASTI Negeri Perak.

Namun, kelas secara atas talian ini akan berakhir pada akhir bulan November manakala persekolahan baharu pula akan bermula pada awal penggal tahun 2021.



*Hana merupakan salah seorang murid di PASTI As-Sajidin yang tekun melaksanakan tugas yang diberikan oleh gurunya.*

“Saya memberikan tugas melalui aplikasi Whatsapp sahaja dan saya menetapkan tempoh selama satu hari untuk murid-murid menyiapkan tugas tersebut,” kata guru di PASTI As- Sajidin, Siti Hajar Mohd Hamdi.

Siti Hajar turut menggunakan aplikasi lain seperti Quiziz di dalam kelas beliau agar murid lebih tertarik dan bersemangat untuk belajar sepanjang norma baharu ini.

Menurut Nur Fazliana Mohd Fadzil, ibu kepada Nur Farisha Hanania Mohd Asyraf, 4, berkata beliau akan membantu dan memantau anaknya ketika menjalani HBL.

“Saya sediakan komputer dan mesin pencetak untuk mencetak semua latihan yang diberikan oleh guru Hana melalui Whatsapp,” katanya.



*Tugasan yang diselesaikan oleh Hana dihantar tepat pada masanya.*

Fazliana juga merupakan seorang pengasuh berkata, dia mampu mengasuh sambil memantau pembelajaran anaknya sendiri.

“Untuk mengendalikan anak sendiri sambil mengasuh tidaklah begitu mencabar kerana saya seorang yang garang,” katanya.

Ketegasan Fazliana dan ketekunan Siti Hajar banyak memberi kemudahan untuk Hana menjalani HBL sehingga semua bersedia menghadapi norma baharu walaupun harus berdepan dengan pelbagai cabaran.